

KUALA LUMPUR, 28 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENNEGASKAN HARI INI SEBUAH KEMENTERIAN HAL EHWAL PENGGUNA TIDAK PERLU DITUBUHKAN DI NEGARA INI. 1978

INI ADALAH KERANA KERAJAAN SUDAH PUN MEMPUYAI JENTERA PEN-TADBIRAN YANG LENGKAP BAGI MENGENDALIKAN HAL EHWAL PENGGUNA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

MENJAWAB PERTANYAAN DATIN HAJJAH FATIMAH ABDUL MAJID (BN-SEMERAH) SEMASA SOALJAWAB AVDI DEWAN RAKYAT BELIAU BERKATA PENDAPAT KERAJAAN MENGENAI PERKARA INI ADALAH SELARAS DENGAN RUMUSAN SEMINAR GERAKAN PENGGUNA TIDAK LAMA DULU BAHAWA KEMENTERIAN SEUMPA-MA ITU TIDAK PERLU DITUBUHKAN BUAT MASA INI.

BELIAU BAGAIMANAPUN MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN SENTIASA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PERLU MELINDUNGI PARA PENGGUNA DI NEGARA INI.

LANGKAH-LANGKA INI TERMASUKLAH MEMPERKUKUHKAN LAGI JENTERA YANG SEDIA ADA TERMASUK MEMPERBESARKAN LAGI MAJLIS-PENASIHAT PELINDUNG PENGGUNA KEBANGSAAN. — BERSAMBUNG 1755/YF

££

B604

PARLIMEN-PENGGUNA 2 KUALA LUMPUR

UNTUK TUJUAN PEMBESARAN MAJLIS TERSEBUT, AHLI-AHLI YANG MEWAKILI BERBAGAI PERTUBUHAN YANG MEMPUYAI KAITAN DENGAN PENGGUNA TELAH PUN DILANTIK MULAI TAHUN INI.

SELAIN DARI ITU, BAHAGIAN HAL EHWAL PENGGUNA DAN BAHAGIAN PENGUAKUASA AKAN DITAMBAH KAKITANGAN SUPAYA USAHA-USAHA PER-LINDUNGAN DAPAT DIPERGIATKAN LAGI. — BERNAMA 1756/YF